

**TITAH UCAPAN  
YANG TERAMAT MULIA TENGGU MAHKOTA KELANTAN  
DI SIDANG MEDIA KEJOHANAN ENDURANCE BERKUDA D'RAJA  
KELANTAN KE 3/2006 PADA 28 MEI 2006  
DI RENAISSANCE KOTA BHARU HOTEL, KELANTAN**

Bismillahir Rahmaanir Rahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh

Yang Berbahagia Dato'-Dato' dan tuan-tuan yang dihormati.

Berbanyak terima kasih kepada semua Dato'-Dato' dan tuan-tuan sekalian yang dapat hadir ke Sidang Media Kejohanan Endurance Berkuda D'Raja Kelantan Kali Ke 3, 2006 ini.

Sebagaimana tahun-tahun sebelum ini, Kejohanan Endurance Berkuda D'Raja Kelantan Kali Ke 3, 2006 pada kali ini juga akan diadakan di Gunong, Bachok, Kelantan. Walaubagaimanapun tarikhnya telah diperawalkan kepada 23 hingga 24 Jun 2006 berbanding dengan tahun lepas yang diadakan pada bulan September. Ini bagi membolehkan pihak Persatuan Equestrian Malaysia memilih kuda-kuda untuk Kejohanan Sukan Asia yang akan diadakan di Doha, Qatar, pada bulan Disember nanti.

Acara kemuncak kepada Kejohanan Endurance Berkuda D'Raja Kelantan Kali Ke 3, 2006 atau Kelantan Royal Endurance Ride 3, 2006 ini, adalah satu Majlis Santapan Malam Dan Pengurniaan Hadiah yang akan diadakan pada 24 Jun 2006 di Hotel Renaissance Kota Bharu di mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan serta Duli Yang Maha Mulia Raja Perempuan Kelantan telah mengampuni perkenan untuk berangkat serta mengurniakan hadiah kepada pemenang-pemenang kejohanan.

Pada tahun ini, sebanyak 20 pasukan termasuk 200 peserta individu telahpun dijemput untuk mengambil bahagian di dalam pertandingan, di antaranya seperti Duli Yang Maha Mulia Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni

Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Bilah Shah, Sultan Terengganu, Ar-Raudah Equine Centre, Yayasan Kebajikan Perkasa Alam Terengganu, Bukit Kiara Equestrian Country Resort, Unit Berkuda Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan lain-lain. Jemputan juga telah dipanjangkan kepada beberapa kelab di luar negara seperti Brunei, Taiwan, Indonesia, Korea, Singapura dan Thailand.

Yang Berbahagia Dato'-Dato' dan tuan-tuan sekalian

Berbanding dengan tahun lepas, Tahun 2006 ini menyaksikan sedikit perubahan kepada Kategori-kategori yang akan dipertandingkan, di mana dua kategori daripada kategori-kategori tahun lepas iaitu 85 km dan 15 km telah dimansuhkan dan diganti dengan kategori 80km dan 20km. Keseluruhan kategori yang dipertandingkan pada kali ini adalah:-

- 120 km - terbuka kepada semua individu dari dalam dan luar negeri
- 80 km - terbuka kepada semua peserta khususnya ahli-ahli Persatuan Equestrian Malaysia
- 40 km - terbuka kepada semua peserta ahli-ahli Persatuan Equestrian Malaysia dan peserta tempatan
- 20 km - terbuka kepada para peserta remaja

Bagi kategori 120 km, para peserta yang mengambil bahagian akan melalui

5 loop iaitu:-

35 km + 25 km + 25 km + 20 km + 15 km

Bagi kategori 80 km, para peserta yang mengambil bahagian akan melalui 3

loop iaitu:-

35 km + 25 km + 20 km

Bagi kategori 40 km, para peserta yang mengambil bahagian akan melalui 2 loop iaitu:-

25 km + 15 km

Manakala bagi kategori 20 km, para peserta akan melalui 1 loop sahaja iaitu 20 km.

Yang Berbahagia Dato'-Dato' dan tuan-tuan sekalian

Kelantan Royal Endurance Ride III 2006 menawarkan hadiah-hadiah yang menarik bagi pemenang untuk setiap kategori. Hadiah-hadiah adalah sepertimana berikut:-

A) Kategori 120 Km

Pertama - Rm 10,000.00 + Trophi + Sijil

Kedua - Rm 7,000.00 + Trophi + Sijil

Ketiga - Rm 5,000.00 + Trophi + Sijil

B) Kategori 80 Km

Pertama - Rm 5,000.00 + Trophi + Sijil

Kedua - Rm 4,000.00 + Trophi + Sijil

Ketiga - Rm 3,000.00 + Trophi + Sijil

C) Kategori 40 Km

Peserta yang berjaya menamatkan kejohanan akan diberikan sijil.

D) Kategori 20 Km

Peserta yang berjaya menamatkan kejohanan akan diberikan sijil.

Yang Berbahagia Dato'-Dato' dan tuan-tuan sekalian

Pertandingan ini juga ada menawarkan hadiah "best horse condition" kepada kuda terbaik sebanyak RM 6,000.00.

Yuran penyertaan akan dikenakan kepada peserta, iaitu:-

- A) RM 200.00 - Bagi Kategori 120 Km
- B) RM 150.00 - Bagi Kategori 80 Km
- C) RM 50.00 - Bagi Kategori 40 Km
- D) Percuma - Bagi Kategori 20 Km

Sebagaimana tahun lepas Kelantan Endurance Ride III 2006 ini juga merupakan pertandingan yang berstatus 3 bintang yang mendapat pengiktirafan daripada Federation Equestrian International (FEI), diadakan dengan kerjasama Persatuan Equestrian Malaysia. Manakala pihak Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3) pada tahun ini masih kekal dilantik sebagai badan penyiaran rasmi.

Yang Berbahagia Dato'-Dato' dan tuan-tuan sekalian

Majlis pelepasan bagi kategori 120 km akan disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan pada 23 Jun 2006 bertempat di tapak pertandingan di Gunong, Bachok, Kelantan jam 10.00 malam, manakala bagi kategori 80km disempurnakan oleh saya sendiri jam 11.00 malam dan bagi kategori 40 km dan 20 km akan disempurnakan oleh YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan jam 7.00 pagi dan 7.30 pagi 24 Jun 2006.

Yang Berbahagia Dato'-Dato' dan tuan-tuan sekalian

Akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua agensi-agensi kerajaan, pihak swasta individu-individu dan semua pihak yang memberi kerjasama bagi menjayakan kejohanan pada tahun ini, Khususnya kepada pihak Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3) yang telah sudi menjadi badan penyiaran rasmi sempena kejohanan pada tahun ini dan saya berharap agar pertandingan ini dapat diadakan dengan jayanya.

Sekian, wassalam.